

[KNOWLEDGE AND INFORMATION TRANSFER IN MALAY LETTERS FROM THE PERSIAN WORLD]

PEMINDAHAN ILMU DAN MAKLUMAT DALAM PERSURATAN MELAYU DARIPADA DUNIA PARSİ

Muhammad Bukhari Lubis
dr_blubis@yahoo.com
Emeritus Professor

Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

Abstrak

Kewujudan batu nisan di Meunasah Manchang atau Meunasah Pi (Sumatera) yang tertera tulisan Parsi beserta tarikh kematian pada Syawal 823H (Oktober/November 1420 M) merupakan bukti awal hubungan masyarakat Melayu dengan dunia Parsi. Objektif artikel ini adalah untuk membincangkan pemindahan ilmu dan maklumat dalam persuratan Melayu daripada dunia Parsi. Perbincangan bermula dengan ciri-ciri perpindahan bahasa Parsi ke dalam bahasa Melayu dan seterusnya khusus dari sudut sastera. Diskusi aspek sastera dibahagikan kepada sastera aspek kepahlawanan, sastera sejarah, karya-karya hagiografi dan keagamaan, cerita berbingkai dan cerita 'pedoman buat raja'. Kesimpulannya, untuk dua abad Hijrah yang pertama, jika diteliti sungguh-sungguh kebanyakan (sekurang-kurangnya 80%) perkembangan ilmu dalam tamadun Islam disumbangkan oleh sarjana/ulama Parsi. Apatah lagi mereka ini terkenal dengan gelaran penghormatan: *Ashab al-Lisanayn* (pemilik dua bahasa [Parsi & Arab]). Oleh itu diharapkan lebih ramai lagi sarjana kita menggali apa saja warisan keilmuan kita yang berkaitan dengan perbendaharaan ilmu dalam bahasa Parsi ini (khususnya karya yg terbit sebelum Iran bermazhab Syiah Imamiyah atau Ithna 'Ashariyah yg bermula apabila terasasnya dinasti Safawi pd tahun 1601M).

Kata kunci: dunia Melayu, dunia Parsi, sastera Melayu, sastera Parsi, tamadun Islam

Abstract

The existence of tombstones in Meunasah Manchang or Meunasah Pi (Sumatra) which showed Persian letters with the date of death on Syawal 823H (October/November 1420 AD) is the first evidence of the Malay community's relationship with the Persian world. The objective of this article is to discuss the transfer of knowledge and information in Malay literature from the Persian world. The discussion begins with the transfer characteristics of Persian into Malay and then specifically from a literary point of view. Discussions of literary aspects are divided into epic literature, historical literature, hagiographical and religious works, framed stories and 'guidelines for the king' stories. In conclusion, during the first two centuries of Hijrah, at least 80% of the knowledge development in Islamic civilization was contributed by Persian scholars/scholars who are famous for their honorary titles: Ashabul Lisanayn (owners of two languages [Persian & Arabic]). It is therefore hoped that more of our scholars will explore into any of our scholarly heritage related to this treasury of knowledge in Persian (especially works published before the emergence of Shi'ite Imamiyah or Ithna 'Ashariyah sect in Iran that began when the Safavid dynasty was founded in 1601M).

Keyword: Malay world, Persian world, Malay literature, Persian literature, Islamic civilization

Article Received:
14 November 2021

Article Reviewed:
27 December 2021

Article Published:
31 December 2021

PENGENALAN

Frasa dunia Parsi harus difahami sejelas-jelasnya. Ia memberi maksud blok yang menggunakan bahasa Parsi (sama ada sebagai bahasa kebangsaan ataupun tidak) dalam masyarakatnya (*bilad al-furs* atau *Persia*). Ada kalanya digunakan klausa 'dunia penutur bahasa Parsi' (*Persian speaking world*). Perkataan Iran sebagai istilah geopolitik digunakan sejak 1935. Iran bermazhab Syiah Imamiyah atau Ithna 'Ashariyah hanyalah selepas 1601 M., setelah Dinasti Safawi rasmi terasas.

HUBUNGAN MELAYU-PARSI

Bukti awal adanya hubungan masyarakat Melayu dengan Dunia (persuratan) Parsi adalah dengan terjumpanya batu nisan di Meunasah Manchang atau Meunasah Pi (Sumatera), si mati bernama Na'ina Husam al-Din yang meninggal pada Syawal 823H (Oktober/November 1420 M). Di bahagian tulisan Parsi di batu nisan itu (Cowan, 1940: 17-19), terukir kutipan beberapa bait puisi (ghazal) dalam bahasa Parsi, karya Shaykh Sa'di (q.s., 1193-1292M), yang bersumberkan kumpulan puisi *Tayyibatnya* (edisi Lucas White King [1919]). Bait kedua yang terakam di situ adalah, "***Ey dust! Bar janaze-ye dushman chu – begudhari * Shadi makun ke ba tu hamin ma-jara ravad***" [Ertinya: Duhai teman! / saat kaulalui upacara / pengkebumian musuhmu / usahlah bergembira / kerana peristiwa sama / kan menimpa dirimu jua.]

CIRI-CIRI PERPINDAHAN

Pertama-tama, kita terhutang budi apabila kita menerima pakai dua 'huruf ubah suai Parsi', iaitu huruf *ca* dan *ga*.¹ Meskipun kita menggelar 'huruf ubah suai Melayu' (itulah *pa*, *nya*, *nga*; tidak termasuk *va* sumbangan 1984), secara lojiknya tentulah datuk nenek (RH) kita yang membuat sumbangan begini mendapat ilham dan tunjuk ajar daripada ulama Parsi yang sudah berpengalaman mengubah huruf Arab untuk melambangkan bunyi/lafaz tertentu dalam bahasa mereka (*ca*, *ga*, *pa* dan *zha/zhe*).

Kita begitu banyak mengambil perkataan Parsi sebagai kata serapan dalam perbendaharaan kata Melayu, seperti *bandar*, *nakhoda*, *kenduri*, *takhta*, *syabas*, *gusti*, *bius*, *pahlawan*, *tembakau*, *dumba*, *dewan*, *ini*, *enap*, *kawin*, *bang*, dan *seluar*. Menurut Bausani (1988: 78-81), ratusan perkataan Parsi yang terserap itu, dapat dikelompokkan ke dalam buah-buah, perawatan penyakit (dan perubatan), pakaian dan benda, makanan dan minuman, perdagangan dan pelayaran, batu berharga dan geologi, alat muzik, rumah dan bahagiannya (termasuk alat perabot), senjata (dan penunggang kuda), istana raja dan yang berhubungan, agama mitologi, institusi (seni, kerjaya, permainan, dsb), kata sifat, kata nama, abstrak, unsur-unsur tatabahasa dan serbaneka, dan negeri atau orang.

¹ Malah kita turut mengambil kata serapan Parsi yang ejaan Jawinya termasuklah huruf *ca* dan *ga*, seperti cokmar (*ca-wau-qof-mim-ro*), cadar (*ca-alif-dal-ro*), anggur (*alif-nga-ga-wau-ro*) dan pinggan (*pa-ya-nga-ga-nun*) (Muhammad Bukhari, 1993).

SUDUT SASTERA

Ilmu dan maklumat yang paling banyak berpindah dari Dunia Parsi adalah dari segi sastera (istilah yang lebih luas, termasuk 'kesusasteraan' [*belles lettres*]).

Pertama-tama, dari segi stail dalam berkarya. Dalam tradisi sastera Parsi (juga Turki dan Urdu), ada satu stail yang sering diamalkan, itulah sikap bertakhallus. *Takhallus* ialah pernyataan nama pena (nama samaran) oleh penyair yang selalunya di bait terakhir karya puisinya (Muhammad Bukhari, 2013: 477-484). Misalnya, kata Hamzah Fansuri (q.s) (MS 2016: 34r; Drewes & Brakel, 1986: 44): *Hamzah nan asalnya Fansuri / Mendapat wujud di tanah Shar Nawi / Beroleh makrifat ilmu yang ali / Daripada 'Abdul Qadir Sayed Jilani*.

Stail ini masih muncul dalam sastera moden kita, misalnya dalam puisi Kemala dan Rizi S.S. (Muhammad Bukhari, 2013: 483-484).

Stail kedua adalah puisi *mulamma'*, iaitu puisi yang mengandungi bait atau misrak yang ditulis dalam dua bahasa ataupun lebih, dengan menggunakan aksara yang sama (*Kamus Kesusasteraan*, 2015: 238; Muhammad Bukhari, 2013: 462-467). Juga contoh utama dipetik daripada karya Hamzah Fansuri (Muhammad Bukhari, 1994: 285): *Laut itulah yang bernama Ahad / Terlalu lengkap pada asyia' samad / Olehnya itulah lam-yalid wa-lam-yulad / Wa-lam yakun la-hu kufu'an ahad*.

Walaupun masa kini banyak pembaca yang masih tidak menyedari genre ini, namun ia masih dicipta, misalnya oleh Rizi S.S. (Muhammad Bukhari, 2013: 468-477).

Pemindahan ilmu di sini juga tersirat dari sikap penulis/penyair kita yang mengutip kata-kata pengarang (ulama dan ahli Sufi) demi mengukuhkan hujah mereka atau kerana tujuan-tujuan lain. Menurut Braginsky (2009: 67), sudah menjadi satu tradisi sejak awal lagi, sebagai hasil pertembungan budaya Melayu dengan dunia Parsi ini, lahirlah sikap mengutip petikan puisi atau menyisipkan perbincangan peribadi dengan sajak-sajak Parsi yang mengagumkan. Kutipan puisi Parsi ini, yang bahasanya merupakan sebuah kebudayaan Islam yang berwibawa (apalagi dalam bentuk puisi) dan dianggap lebih luhur daripada bahasa Melayu, ternyata mengandungi kebijaksanaan yang lebih tinggi. Oleh sebab itu, demi menyampaikan kebijaksanaan itu dengan meyakinkan, penterjemahan sisipan bait Parsi ke dalam bahasa Melayu mestilah setepat mungkin dengan meniru beberapa keistimewaan bahasa sumber (Parsi); lantas bahasa Melayu tersebut hendaklah menjadi sejenis 'Melayu Parsi'. Hal inilah yang dimaksudkan dengan 'makna semiotik penting' dari strategi penterjemahan yang tidak idiomatik (kaku) dan memberikan sejenis 'kewibawaan pantulan' kepada terjemahan Melayu itu.

Mari kita tinjau sebahagian kecil hasil karya dari kelompok 'sastera agama' kita. Misalnya, Hamzah Fansuri, dalam mengutarakan ajaran tasawufnya dalam *Asrar al-'Arifin* (Syed Muhammad Naguib, 1970: 271), "Seperti kata *Lama'at² : Darya kuhan chu barzanad mawji naw / Mawjish khwanand [u] dar haqiqat daryast; yakni: Laut sedia, apabila berpalu menjadi ombak baharu. / Dikatakan orang 'ombak', tetapi pada hakikat laut jua*".

Dalam karyanya yang lain, *Sharab al-'Ashiqin*, Hamzah mengutip kata-kata ini (Syed Muhammad Naguib, 1970: 303),

"Kata Shams-e Tabriizi: *Shari'at ra muqaddam dalam aknun / Haqiqat az shari'at nist birun; yakni: Yang syariat itu kaudahulukan sekarang / Kerana hakikat dan syariat tiada berlainan*". [Juga] "*Kasi ku dar shari'at rasikh ayad / Haqiqat rah bar way khud gushayad; yakni: Barangsiapa ia itu kepada syariat sempurna / Datang jalan hakikat kepada orang itu nescaya memukakan dirinya*".

² Karya prosa oleh penyair Parsi Fakhr al-Din 'Iraqi (q.s).

Setakat ini banyak dikutip petikan bait Parsi oleh Hamzah. Bagaimanapun, dalam sesetengah bahagian, beliau turut menyatakan bahan rujukan/sumbernya dalam bahasa Parsi atau sekurang-kurangnya nama pengarang atau tokoh Parsi itu, seperti merujuk bait oleh Mas'ud (Syed Muhammad Naguib, 1970: 335, 346).³

Dari karya Hamzah yang tidak sebegitu banyak, pengkaji karyanya tetap tidak menyanggah bahawa Hamzah memang mengenal betul kaedah versifikasi dan pelbagai pola puisi Parsi.

SASTERA EPIK KEPAHLAWANAN

Ada dua karya epik Parsi yang pengaruhnya mengalir dalam sastera Melayu kita. Pertama, itulah *Hikayat-i Muhammad-i Hanafiyah*. Dua bahagian sebenarnya membentuk hikayat ini dalam karya Melayu. Pertama, bergaya *maqal* (berunsur pembunuhan/pertempuran) yang kisahnya bertumpu pada putera-purera Saidina Ali (RA), Hasan dan Husayn. Poin mati syahid itu diketengahkan dengan ketaranya, bercampur dengan irama ketegangan yang semakin sengit. Bagaimanapun, dalam pusingan berikutnya, menurut Braginsky (2009: 63), kerana semakin meruncing sentimen anti-Syiah dalam budaya Melayu, kelancaran dan ketegangan tersebut lambat-laun dilenyapkan, di samping diubah menjadi cerita yang tidak jelas strukturnya dan lebih hampir kepada penerangan ringkas tentang sejarah awal Islam.

Bahagian kedua karya ini, bercorak 'hikayat'. Strukturnya ketat, berlandaskan cara interaksi antara tokoh pahlawan dengan para sahabatnya (pisah – temu – pisah // temu – pisah – temu) yang akhirnya membuat dua pusingan yang lengkap. Pada setiap pusingan, para sahabat akan disatukan kembali dengan Muhammad-i Hanafiyah di tengah-tengah suasana genting, mendapat kemenangan, terpisah lagi; ada kalanya kesusahan yang diakhir akan tamat, dihalang lagi dengan bahaya baru pula (Brakel, 1975: 66-69).

Karya epik kedua, *Dastan-e Amir Hamzah* atau *Qisse-ye Amir Hamzah* (turut diberi judul lain: *Hamzah – Nama* dan *Rumuz-e Hamzah*), lebih berunsur wira-romantik daripada wira-keagamaan dan mengemukakan watak utama Amir Hamzah, iaitu bapa saudara Nabi Muhammad SAW. Akhirnya lahirlah karya *Hikayat Amir Hamzah* dalam sastera kita. Menurut Braginsky (2009: 65) lagi, terjemahan karya ini (dan *Hikayat Muhammad Hanafiyah*), apabila ditinjau dari segi intertekstual dan paradigmatisnya, ternyata ia menimbulkan kesan pembentukan prosa tradisional Melayu yang sungguh luar biasa.

Berdasarkan satu kajian yang agak meluas (Halimah, 2001), saya mendapat maklumat yang begitu penting tentang apa yang dibahaskan ini.⁴

Seorang sarjana Belanda, P.J. van Leeuwen, menyatakan bahawa versi *Melayu Hikayat Iskandar Zulkarnain* mengandungi cerita Iskandar Zulkarnain menyerang Dara,

³ Syed Muhammad Naguib mengatakan bait yang dikutip Hamzah itu adalah ciptaan Mas'ud-e Sa'd-e Salman. Berdasarkan latar belakang penyair yang lama dipenjarakan dan kumpulan puisinya pula penuh dengan puisi-puisi kepenjaraan (*habsiyat*), berat jangkauan untuk menyatakan bait berkenaan ciptaannya. Barangkali ada penyair lain yang senama tetapi meminati sungguh dunia Tasawuf.

⁴ Kebetulan saya baru sahaja merujuk bahan ini (dalam perpustakaan peribadi saya) untuk menyediakan entri/esei untuk sebuah ensiklopedia, *Danish-Name-ye Jahan-i Islam* (Tehran). Sayangnya saya terlupa mencatat halaman-halaman khusus tentang poin-poin penting yang saya kutip. Tercari-cari di mana saya meletakkan monograf ini, ketika menyediakan Kertas Utama ini; gagal. Maaf sebanyak-banyaknya. Hendak dirujuk di perpustakaan universiti, juga gagal kerana PKP (Covid-19). Saya mengutip pandangan tokoh-tokoh seperti P.J. van Leeuwen, Siti Chamamah Soeratno, dan C. Hooykas.

saudaranya yang berlainan ibu yang menjadi raja di Parsi. Hal ini disebabkan versi Melayu itu terpengaruh dengan versi dalam bahasa Parsi, *Shah-Name* oleh Firdawsi.

Siti Chamamah Soeratno pernah menegaskan bahawa sejumlah besar sastera tradisional Melayu yang memaparkan kemunculan dan jurai keturunan raja-raja Melayu khususnya karya genre sastera sejarah (historiografi) serta sastera undang-undang dan ketatanegaraan mengaitkan tokoh Iskandar Zulkarnain sebagai salah satu tunjang nasab (geneologi) mereka. Dalam kajian khusus ini, beliau menunjukkan pengaruh tokoh Iskandar Zulkarnain (yang digelar raja/sultan) dalam pengkaryaan sastera Melayu seperti *Misa Melayu*, *Hikayat Palembang*, *Silsilah Asal Raja di Negeri Palembang*, *Hikayat Andalus/Hikayat Deli*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Banjar*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Tembusi*, *Cerita Asal Bangsa Jin dan Segala Dewa-dewa*, *Asal Usul Bangkahulu*, *Bustanus Salatin*, *Tajus Salatin*, *Undang-undang Melayu* dan *Undang-undang Minangkabau*.

Walaupun Chamamah merumuskan bahawa *Hikayat Iskandar Zulkarnain* itu adalah 'sastera hikayat', namun ciri sastera hikayat yang dipaparkan dalam karya itu lebih sesuai dengan ciri-ciri 'sastera epik'. Malah dari segi fakta dan contoh yang diberikan, ia memperkuat tanggapan bahawa *Hikayat Iskandar Zulkarnain* tergolong ke dalam genre sastera epik.⁵

Pada pandangan C. Hooykas, *Hikayat Iskandar Zulkarnain* versi Melayu berasal daripada versi Parsi. Sementara kebanyakan sarjana menyimpulkan bahawa hikayat ini terhasil dengan berlandaskan pelbagai sumber, empat buah: cerita-cerita Pesudo Callisthenes, karya Parsi *Shah-Name* oleh Firdawsi, bahan daripada al-Qur'an (Surah al-Kahfi 18:83-99), dan cerita-cerita dongeng Islam dan Arab – Parsi yang tersebar luas ketika itu.

SASTERA SEJARAH

Dalam kategori ini, contoh yang segera dikemukakan adalah *Hikayat Aceh*. Menurut Braginsky (2009: 73-75), hikayat ini amat menyerupai atau hampir dengan karya-karya Parsi yang menggambarkan sesebuah dinasti, banyak disulami dengan unsur-unsur pujian, ringkasnya penuh sanjungan terhadap raja yang terdaftar dalam dinasti itu. Paduan banyak unsur pemujaan, catatan di sekitar pelbagai peristiwa dan ceritera kepahlawanan, sesekali ia disulami pula dengan nuansa keagamaan dan tasawuf. Paduan ini disokong pula oleh struktur 'panegirik' Parsi dalam *Hikayat Aceh*, meskipun kurang lengkap (kerana menggambarkan hanya masa kanak-kanak dan remaja Sultan Iskandar Muda dan tamat begitu sahaja). Walaupun *Hikayat Aceh* bukanlah terjemahan mengikut pengertian yang sebenarnya, namun ia menarik kerana melahirkan sebuah strategi lain dalam penyaduran sesebuah teks asing. Penulis *Hikayat Aceh* hanya memproduksi (semacam 'menterjemahkan' pada struktur karya *Malfuzat-e Timuri (Autografi Timur Leng)* yang dipersembahkan kepada Shah Jehan (Indo-Parsi) dan mengisi strukturnya dengan balutan kisah-kisah yang tidak serupa, kecuali motif-motif dasar dari karya sumber atau prototaipnya.

Dalam *Sejarah Melayu* ada petikan dalam bahasa Parsi (Muhammad Bukhari Lubis 1998). Dalam edisi Muhammad Haji Salleh (1997) dan edisi Shellabear 1964 (kutipan dari Bausani 1988) dan Ali Ahmad (1977) kutipan yang disalin itu amat tersimpang sama sekali. Bagaimanapun penyunting lain (Situmorang – Teeuw, 1952), menyajikan kutipan yang sebetulnya: **ra'iyat chu- ast** (atau **bikh and**) **[u] sultan dirakht** --- rakyat ibarat akar dan raja laksana pokok (juga lihat Bausani, 1988: 72).

⁵ Rujukan takrif 'epik' secara umum adalah cerita kepahlawanan (*heroic story*) dan memang tidak dapat dinafikan bahawa hikayat ini tergolong dalam sastera epik kerana hikayat ini menepati ciri-ciri epik yang boleh dikenal pasti dalam beberapa aspek.

KARYA-KARYA HAGIOGRAFI DAN KEAGAMAAN

Antara yang jarang ditinggalkan adalah karya *Hikayat Nur Muhammad*. Sarjana setempat, Ismail Hamid (1983: 55), pernah menegaskan bahawa salah satu versi *Hikayat Nur Muhammad* adalah terjemahan karya Parsi *Tarjum-e Mawlid al-Mustafa* (Terjemahan [Kisah] Kelahiran Nabi Pilihan). Yang asalnya dalam bahasa Arab, oleh al-Kazaruni; kemudian diterjemahkan ke bahasa Parsi oleh puteranya, 'Afif al-Din.

Karya lain berupa *Hikayat Nabi Wafat*. Menurut sarjana Belanda, Van Ronkel (dikutip dari Braginsky, 2009: 75), hikayat ini adalah "tiruan satu daripada pelbagai versi *Vafat-Name* Parsi". Satu lagi yang turut diterjemahkan daripada bahasa Parsi, itulah *Kitab Seribu Masail*. Sebagai terjemahan bebas, terdapatlah beberapa perubahan di sana sini yang melambangkan kecenderungan untuk memasukkan unsur-unsur Melayu setempat ke dalam karya berkenaan (Braginsky, 2009: 76).

CERITA BERBINGKAI

Contoh pertama dalam kelompok ini adalah *Hikayat Bayan Budiman* dalam sastera kita. Berasaskan karya Parsi, *Tuti – Name*, kisahya berpusat kepada gelagat seekor burung nuri yang setiap malam asyik menghiburkan isteri majikannya (saudagar yang sedang menjalankan perniagaannya) dengan pelbagai cerita yang menarik dan memikat, dengan tujuan agar perempuan itu tidak mengadakan 'asmara haramnya' dengan lelaki lain. Sebagai terjemahan/saduran, dalam karya ini banyak ditemukan ciri khusus kemelayuan itu (tiada dalam versi Parsinya). Dalam terjemahan Melayu ini, muncul apa yang dinamakan "perpaduan tiga unsur dalam satu karya", itulah "realisme naif", "penggambaran peristiwa" yang lebih dinamis, dan "pendramaan pelbagai peristiwa" yang terlukis secara artistik (Braginsky, 2009: 79-85).

Kisah anak Raja Bakhtiar dalam persuratan Parsi dihimupunkan dalam karya berjudul *Hikayat Bakhtiar* versi Parsi⁶ dan akhirnya berjaya meresap ke dalam sastera kita, bertajuk *Hikayat Bakhtiar*. Dalam terjemahan ini kelihatan kekhususan terjemahan Melayu itu semakin tegas, dengan sejenis 'pendramaan' yang lain, bukan artistik, sebaliknya upacara (seremonial). Adegan seremonial ini, sangat akrab bagi pengkaji sastera Melayu, tidak ditemukan dalam sastera Parsi. Pada pandangan Braginsky (2009: 85-86), penyimpangan yang begitu besar daripada versi asal Parsinya kerap tidak memberikan maklumat baru, biarpun ia menjadikan terjemahannya lebih bernada Melayu asli.

CERITA "PEDOMAN BUAT RAJA-RAJA"

Selalunya dalam kelompok ini, yang jelas terbayang dalam persuratan kita, adalah *Taj al-Salatin*. Pembaca *Taj al-Salatin* mudah menyimpulkan bahawa pengarang karya ini seorang penulis Parsi, atau sekurang-kurangnya orang asing yang berpendidikan dan menguasai bahasa Parsi. Oleh sebab itu, orang masih tertanya-tanya, adakah pengarangnya, Bukhari al-Jauhari itu, orang Melayu yang berasal dari Johor.

Dalam karya ini, jelas sungguh pengaliran ilmu dan maklumat Parsi itu ke dalam persuratan Melayu, khususnya tentang genre-genre tertentu dalam sastera. Pertama, apa yang dinamakan *ghazal* (rujuk takrif yang saya sajikan dalam *Kamus Kesusasteraan*, 2015: 12-13), Bukhari al-Jauhari (dengan memperlihatkan *takhallusnya*) terus memberikan contoh 'ghazal Melayu',

⁶ Tidak diketahui judul Parsi sebenarnya; jangan terkeliru dengan versi popular *Bakhtiyar-Name*.

*Kekasihku seperti nyawa pun adalah terkisah dan mulia juga,
Dan nyawaku pun mana daripada nyawa itu jauh juga,
Jika seribu tahun lamanya pun hidup ada sia-sia juga,
Hanya jika pada nyawa itu hampir dengan sedia suka juga,
Nyawa itu yang menghidupkan senantiasa nyawa manusia juga,
Dan menghilangkan cintanya pun itu kekasihku yang setia juga,
Kekasihku itu yang mengena hatiku dengan rahsia juga,
BUKHARI yang ada serta nyawa itu ialah berbahaya juga.*

Sumbangan kedua Bukhari al-Jauhari mencipta apa yang dinamakan *ruba'i* (rujuk lagi takrif yang saya berikan dalam *Kamus Kesusasteraan*, 2015: 320-321), dalam sastera tradisional kita,

*Budi sungguh yang menunjuk insan,
Insan itulah yang budiman,
Haiwannya yang bukan berbudi,
Rupanya insan dan adanya haiwan.*

Selain itu, *Tajus Salatin* juga menimba ilmu dan maklumat daripada keilmuan Parsi. Bukhari menyatakan banyak sumber bacaannya untuk menjayakan karyanya ini, termasuklah *Nasa'ih al-Muluk*, sebuah karya Parsi oleh Qivam al-Din Yusuf ibn Hasan (Bagley, 1964: xx). Menurut Braginsky (2009: 89), *Taj al-Salatin* juga banyak menimba daripada apa yang tertuang dalam *Nasihah al-Muluk* oleh Imam al-Ghazali (q.s). Menurut kajian berkenaan, *Taj al-Salatin* berstruktur sama dengan apa yang ada dalam *Nasihah al-Muluk*. Begitu juga sama dari segi teks, malah halaman demi halaman, lantas hampir keseluruhan teks *Nasihah al-Muluk* diterjemahkan oleh Bukhari al-Jauhari dan dijadikannya sebagai bahan asas bukunya.

KESIMPULAN DAN GAGASAN

Setelah dibincangkan beberapa perkara pokok dalam tajuk yang saya pilih ini, izinkan saya menarik dan mengemukakan beberapa rumusan dan gagasan untuk kita renung dan wujudkan demi faedah kita umat Islam di sebelah Alam Melayu ini.

- a. Pembaca dapat menyelami betapa dalam dan luasnya bidang yang disentuh oleh tokoh dari Rusia ini, Profesor Emeritus Vladimir Branginsky, pesara dari SOAS, University of London.⁷ Saya mulai mengenali beliau (dari segi pembacaan) pada akhir 1980an, ketika saya memulakan pengajian doctor falsafah saya di University of California at Berkeley, USA. Sarjana yang amat luar biasa ini, tidak keterlaluan, jika saya gelar sebagai 'Paus Laut Sastera Tradisional Melayu'.
- b. Setakat ini belum saya temui sarjana dari Alam Melayu yang dapat mengupaskan sejarah sastera tradisional kita dengan begitu terperinci dan menarik sekali. Kita dari blok sebelah sini harus mencemburui kegigihan akademiknya ini.
- c. Banyak perkara yang tidak terfikir dan tergambar dalam akal budi kita – selagi menyentuh sastera tradisional Melayu – dapat diperkatakan dan diulasnya dengan baik.
- d. Begitulah tingginya nilai hidayat daripada Allah SWT, biarpun kita hairan menggelengkan kepala apabila melihat beliau membahas hal ehwal tasawuf dalam sastera kita, sayangnya beliau belum lagi menerima cahaya hidayat

⁷ Beliaulah antara penilai prestasi kegiatan ilmiah saya untuk kenaikan pangkat profesor penuh di UPSI, alhamdulillah.

- daripada Ilahi. Pada masa yang sama, ada kalanya ada poin-poin yang diketengahkannya itu, terasa baru dan sedikit meragukan, sampai di mana kebenaran apa yang dinyatakannya.
- e. Dalam konteks tasawuf, banyak pemerhati merasakan bahawa ‘rasa’ tasawuf sarjana Rusia ini begitu tinggi, meluap-luap. Ada perkara yang tidak terbayang boleh berhubungan dengan tasawuf, dapat dikaitkannya, khususnya dalam konteks analogi. Maka sehubungan dengan ini, saya mencadangkan agar ada sekelompok sajana Melayu dalam bidang tasawuf/pemikiran Islam dan sastera tradisional Melayu yang berpadu tenaga untuk mempertimbangkan sejauh mana benarnya kenyataan atau buah fikiran yang dilontarkannya, yang berkaitan dengan Tasawuf dan hubungannya dengan sastera tradisional kita. Bukan hendak mencari kemenangan, tetapi semata-mata demi meraih kebenaran.
 - f. Berbalik kepada dunia Parsi dan persuratan Melayu kita, sejauh mana hubungan kaitnya, khususnya tentang pengaliran ilmu dan maklumat ke dalam persuratan kita. Memang kita akui, untuk dua abad Hijrah yang pertama, jika diteliti sungguh-sungguh kebanyakan (sekurang-kurangnya 80%) perkembangan ilmu dalam tamadun Islam disumbangkan oleh sarjana/ulama Parsi. Apatah lagi mereka ini terkenal dengan gelaran penghormatan: *Ashab al-Lisanayn* (pemilik dua bahasa [Parsi & Arab]). Dalam kamus kegiatan keagamaan kita, nama seperti ini: Imam al-Ghazali, Fakhr al-Din al-Razi (Razi adalah pengaraban perkataan Reyy, nama daerah kecil di selatan Tehran), dan al-Tabari (q.s) sudah lama bersemayam dalam minda kita; mereka adalah penutur bahasa Parsi. Malah pakar bahasa Arabpun (peringkat awal Islam) berasal dari golongan mereka, seperti Sibawayhi dan Firuzabadi (RH).
 - g. Rasio secara ringkas, kelihatan mereka ini menulis banyak dalam bahasa Arab. Bagaimanapun mereka tidak mengabaikan bahasa ibunda mereka. Generasi selepas itu, mula banyak menulis karya dan rujukan dalam bahasa Parsi.
 - h. Dalam suasana begini, jelas dalam pemerhatian kita selama ini (kecuali yang belum terbongkar, jika ada!), sarjana kita kurang membaca atau merujuk khazanah keilmuan dalam bahasa Parsi, khasnya yang terkarang sebelum 1601M, tahun negara Iran merasmikan mazhab Syiahnya, setelah Dinasti Safavi terasas.
 - i. Harus kita sedari, bahawa bahasa-bahasa Islami itu perlu dikuasai untuk kemajuan Islam di Rantau kita ini (dan dunia amnya): Arab, Parsi, Turki, Melayu dan Urdu.
 - j. Dalam konteks ini, jika kita perhatikan tahap kesarjanaan Melayu dalam bidang Pengajian Islam di peringkat antarabangsa; amat menyedihkan. Ada golongan sarjana dari blok lain, meskipun mereka tidak beragama Islam, namun minat dan penguasaan mereka terhadap ilmu dan bahasa-bahasa Islami itu amatlah membanggakan dan mengagumkan. Hal seperti ini yang perlu kita cemburui dan teladani.
 - k. Paling mudah, dalam bidang falsafah Islam, carilah sarjana Melayu yang dapat menguasai (alat) bahasa Arab dan Parsi dengan baik. Yang ada sesetengahnya itu, zahir (dari segi perangkaan) dalam bidang falsafah Islam (saya tidak menafikan sumbangan pengkaryaan mereka dalam bidang yang mereka minati dan tumpukan itu), tetapi tidak menguasai (tidak dapat merujuk) buku berbahasa Arab!
 - l. Saya berdoa, dalam masa 15 atau 20 tahun dari sekarang (tahun 2021), akan muncullah sarjana Malaysia yang dapat menguasai bahasa-bahasa Islami yang utama dan penting ini. Dalam tiga bahasa asing Islami ini: Parsi, Turki, dan Urdu, hanya bahasa Parsi yang menimbulkan sedikit masalah kerana kesilaptanggapan yang berlaku. Harus kita bertindak dengan bijak (sebelum ini kita leka atau alpa), “bagaikan menarik rambut dari tepung”. Memang dalam dunia ini hanya tiga negara yang menjadikan bahasa Parsi sebagai bahasa kebangsaannya: Iran,

Afghanistan dan Tajikistan (masih menggunakan aksara Sirilik [Rusia!]). Jadi jangan terlalu gegabah memandang serong terhadap bahasa Parsi itu, tanpa usul periksa terus dikaitkan dengan Mazhab Syiah (Imamiyah atau Ithna 'Ashariyah), mazhab pegangan rasmi negara Iran.⁸ Jangan diganggu mereka (orang Iran dan sebahagian Arab) dengan mazhab mereka; kita bertindak dengan bijaksana. Kesilapan kita, seolah-olah "marahkan nyamuk kelambu dibakar"; atau sebaliknya, "kalau benci akan tahi ayam, jangan bunuh ayam itu kerana kita menginginkan/memerlukan telurnya!"

- m. Sebagai perintis dalam bidang bandingan ini, saya amat mengharapkan kelahiran sarjana kita yang bakal menggali apa sajak warisan keilmuan kita yang berkaitan dengan perbendaharaan ilmu dalam bahasa Parsi ini.

Wa'Llahu a'lam.

RUJUKAN

- Ali Ahmad. (1977). *Kajian Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Bagley, F.R.C. (1964). *Ghazali's Book of Counsel for Kings (Nasihat al-muluk)*. London: Oxford University Press.
- Bausani, Alessandro. (1988). *Catatan Mengenai Kata-kata Parsi dalam Bahasa Melayu-Indonesia*. Terj. Hamid Algar dan Muhammad Bukhari Lubis. Terbitan Tak Berkala 'Dunia Melayu', No. 3. Bangi: Institut Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM.
- Braginsky, Vladimir. (2004). *The Heritage of Traditional Malay Literatre: A Historical Survey of Genres, Writings and Literary Views*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Braginsky, Vladimir. (2009). Jalinan dan Khazanah Kutipan Terjemahan dari Bahasa Parsi dalam Kesusasteraan Melayu (Khususnya yang Berkaitan dengan "Cerita-cerita Parsi"). Dlm. Henry Chambert-Loir (pnyt.). *Sadur: Sejarah Terjemahan di Indonesia dan Malaysia*. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia (KPG).
- Brakel, L.F. (1988). *Hikayat Muhammad Hanafiyyah*. Terj. Junaidah Salleh, Mokhtar Ahmad dan Nor Azmah Shehidan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brakel, L.F. (1975). *The Hikayat Muhammad Hanafiyyah: A Medieval Muslim Romance*. The Hague: Nijhoff.
- Cowan, H.K.J. (1940). A Persian Inscription in North Sumatra. *Tidjschrift voor Indische Taal-, Land-en Volkenkunde*. LXXX, 15-21.
- Drewes, G.W.J. & Brakel, L.F. (pnyt.). (1986). *The Poems of Hamzah Fansuri*. Dordrecht: Foris Publications.
- Halimah Hassan. (2001). Sastera Epik: Hikayat Iskandar Zulkarnain. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya* (Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM). Oktober. Bil. 1.
- Hamzah Fansuri. MS Cod. Or. 2016. Library, University of Leiden.
- Ismail Hamid. (1983). *The Malay Islamic Hikayat*. Bangi: Institut Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Kesusasteraan*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. [Saya sebagai Timbalan Ketua Penyusun.]
- King, Lucas White (pnyt.). (1919). *Tayyibat*. Calcutta: The Asiatic Society of Bengal.

⁸ Saya sendiri, pada tahun 1990-an, pernah dituduh bermazhab Syi'ah, namun saya tetap beristiqamah dengan Sunni Totok saya. Biarkan "mereka" (penuduh/pemfitnah) itu menelan fitnah mereka sendiri.

- Liaw, Yock Fang. (1991-93). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik. I – II*. Jakarta: Erlangga.
- Muhammad Bukhari Lubis. (1993). Kata-kata Farsi dalam Bahasa Melayu: Beberapa Pengamatan. *Jurnal Filologi Melayu*. 2, 130-112.
- Muhammad Bukhari Lubis. (1994). *The Ocean of Unity: Wahdat al-Wujud in Persian, Turkish, and Malay Poetry*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Bukhari Lubis. (1998). *Sejarah Melayu dan Shah-Name* serta Aspek-aspek Kebahasaan Parsi: Beberapa Pengamatan Awal. Kertas kerja Bengkel Penelitian Naskah Melayu Tradisional. 9-10 Jun, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Bukhari Lubis. (2013). Puisi *Mulamma'* dan *Takhallus* dalam Kesusasteraan Antarabangsa. Dlm. Jelani Harun dan Ben Murtagh (pnyt.). *Esei Penghargaan kepada Profesor Emeritus V.I. Braginsky: Mengharungi Laut Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh (pnyt.). (1997). *Sulalatus Salatin ya'ni Perteturan Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasadan Pustaka.
- Situmorang, T.D. & Teeuw, A (pnyt.). 1952. *Sedjarah Melayu* (menurut terbitan Abdullah ibn Abdukadir Munsji). Diselenggarakan kembali dan diberi anotasi, dengan bantuan Amal Hamzah. Jakarta: Penerbitan Dambatan.
- Sya'ban, A. Ginanjar. (2017). *Mahakarya Islam Nusantara: Kitab, Naskak, Manuskrip dan Korespondensi Ulama Nusantara*. Jakarta: Pustaka Compass.
- Syed Muhammad Naguib Al-Attas. (1970). *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Teuku Iskandar. (1995). *Kesusasteraan Melayu Klasik Sepanjang Abad*. Brunei: Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Brunei Darussalam.